



DAULAT UMNO

Zahalan Bin Man


2595
AH



Selamat Berjuang

Jahidul 19.06.2003

019.3081308



TUN DR. MAHATHIR MOHAMMAD



DAULAT UMNO

PUSTAKA PERDANA

1007070



© Zahalan bin Man

Cetakan pertama Jun 2003

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku dalam apa jua bentuk dengan apa juga cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Penerbit:

KIP TECH SDN BHD (456913K)

2784 Jalan Changkat Permata,

53000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-41062015 Fax: 03-41062013

Reka Bentuk Kulit : Syarin Hashim

Grafik & Letak Huruf : Juz' Art

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Zahalan Man

Damai UMNO / Zahalan bin Man


ISBN : 983-2847-00-1

1. UMNO. 2. Political parties—Malaysia. 3. Malaysia—Politics and government. I. Judul.

324.25954

Pencetak :

BENDIGO ENTERPRISE (001054136-P)





“UMNO sebagai parti terbesar di negara ini, yang menjadi tulang belakang Kerajaan, memikul tanggungjawab sepenuhnya terhadap masa depan negara. Jika negara berjaya, UMNO berhak berbangga. Tetapi jika negara gagal, kegagalan ini adalah kegagalan UMNO juga.

Pemimpin-pemimpin UMNO di semua peringkat serta ahli-ahli UMNO perlu sedar akan hakikat ini. Perjuangan parti adalah lebih besar dan lebih utama daripada perjuangan mana-mana individu dalam parti. Justeru itu belakangkanlah kepentingan individu dan utamakanlah parti. Dengan itu agama, bangsa dan negara kita akan selamat dan maju, insya-Allah.”

Petikan Ucapan Dasar Presiden di Perhimpunan Agung UMNO
Pada 6 November 1992





فرتوبوهن كبڤساڤن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendaftaran 676/88(Wilayah Persekutuan)

TIMBALAN PRESIDEN

KATA-KATA ALUAN

Saya merasa amat bangga di atas penerbitan buku DAULAT UMNO yang saya percaya akan memberi kebaikan kepada ahli-ahli UMNO baik dari golongan veteran mahupun mereka yang baru berkecimpung di dalam dunia politik UMNO. Saya berharap buku ini akan dapat dihayati oleh ahli-ahli UMNO yang memerlukan maklumat mengenai sejarah parti yang bertuah ini.

DAULAT UMNO banyak menceritakan sejarah perjuangan parti dan menghuraikan makna dan maksud yang tersirat di dalam lambang UMNO. Semoga ianya akan dapat menjadi panduan serta peringatan bagi orang-orang Melayu.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada penulis dan juga semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini, mudah-mudahan usaha mereka akan dirahmati Allah.

DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT



BERSATU BERSETIA BERKHIDMAT

**BERSATU KITA BERSATU
DENGAN SETIA BERGANDING BAHU
JIWA TEGUH BERPADU
KITA RUMPUN MELAYU**

**BERSAMA KITA BERSAMA
MENDUKUNG HASRAT SEMUA
BERJASA PADA BANGSA
AGAMA DAN NEGARA**

**LAMBANG KITA YANG GAGAH
DIPANDANG MULIA DAN INDAH
“BERSATU BERSETIA BERKHIDMAT”
COGANKATANYA
UMNO TERUS MARA
UNTUK RAKYAT MALAYSIA**

MEREKA YANG TURUT MEDUKUNG PENERBITAN BUKU “DAULAT UMNO”



**DATO' ABDUL RAHMAN
HAMZAH**
Bendahari UMNO Bahagian
Kota Bharu, Kelantan.



**DATO' NAZIM JOHAN B.
ABU JOHAN**
Setiausaha Kerja Persatuan
Pengguna Islam Malaysia.



EN. MOHAMED ADIB B. YACOB



EN. NORMAN B. ZAHALAN
AJK UMNO Bahagian Balik
Pulau, Pulau Pinang.



EN. ROSLAN ARIFFIN

EN. ABD. WAHAB B. ABD. AZIZ
Ketua Eksekutif PTPTN

USTAZ ZULKIFLI B. MOHD. NASIR

- Bekas Setiausaha Politik Kepada Bekas Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Yusoff Noor.
- Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Terengganu.
- Penceramah UMNO Malaysia.



PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI

Sesungguhnya tidak ada yang lebih menyayat dari melihat bangsaku dijajah, tidak ada yang lebih menyedihkan dari membiarkan bangsaku dihina,

Air mata tiada ertinya, sejarah silam tiada maknanya, sekiranya bangsa tercinta terpinggir, dipersenda dan dilupakan,

Bukan kecil langkah wira bangsa para pejuang kemerdekaan bagi menegakkan kemuliaan dan darjat bangsa, selangkah bererti mara mengharung sejuta dugaan,

Biarkan bertatih asalkan langkah itu yakin dan cermat bagi memastikan negara merdeka dan bangsa terpelihara, air mata sengsara mengiringi setiap langkah bapa-bapa kita,

Tugas kita bukan kecil kerana mengisi kemerdekaan, rupanya lebih sukar dari bermandi keringat dan darah menuntutnya,

Lagi pula apalah ertinya kemerdekaan kalau bangsaku asyik mengia dan menidakkan, mengganggu dan membenarkan, kerana makmur dan mewahnya, bangsaku masih melata dan meminta-minta di negaranya sendiri,

Bukan kecil tugas kita meneruskan perjuangan kemerdekaan kita, Kerana rupanya selain memerdekakan, mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara

Bangsaku bukan kecil hati dan jiwanya, bukankah sejak zaman berzaman menjadi pelaut, pengembara malah penakluk terkemuka?

Bukankah mereka sudah mengembangkan sayap, menjadi pedagang dan peniaga selain menjadi ulama dan ilmuwan terbilang?

Bukankah bangsaku pernah mengharung samudera menjajah dunia yang tak dikenali?

Bukankah mereka pernah menjadi wira serantau yang tak pernah mengenal erti takut dan kematian?

Dimanakah silapnya hingga bangsaku berasa begitu kecil dan rendah diri?

Apakah angkara penjajah lalu bangsaku mulai melupakan kegemilangan silam dan sejarah gemilang membina empayar?


Tugas kita belum selesai rupanya bagi memartabatkan dan memuliakan bangsa kerana hanya bangsa yang berjaya akan sentiasa dihormati,

Rupanya masih jauh dan berliku jalan kita bukan sekadar memerdeka dan mengisinya tetapi mengangkat darjat dan kemuliaan buat selama-lamanya,

Hari ini, jalan ini pasti semakin berliku kerana masa depan belum tentu menjanjikan syurga bagi mereka yang lemah dan mudah kecewa,

Perjuangan kita belum selesai kerana hanya yang cecal dan tabah dapat membina mercu tanda bangsanya yang berjaya.

Nukilan: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Mei 1996.



SALAM DARIPADA PENERBIT

57 TAHUN adalah satu jangka masa mematangkan manusia. Bagi sebuah pertubuhan pula, tempoh sepanjang itu bukan sahaja telah menjadikannya matang tetapi juga telah membuktikan ketahanan dan kekuatan dalam menghadapi segala cabaran Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO yang tahun ini (2003) mencecah usia lebih setengah abad. Tempoh yang panjang memang telah mencipta sejarah sebagai salah sebuah pertubuhan politik tertua di dunia dan paling lama memegang tampuk kuasa pemerintahan negara. Tidak ada mana-mana parti politik di dunia yang berpeluang memerintah begitu lama seperti UMNO.

Kejayaan UMNO sebagai wadah perjuangan menaikkan martabat Melayu dan kemudian menerajui kepimpinan negara sejak negara mencapai kemerdekaan hingga kini, tidaklah diperoleh dengan cara mudah. Perjalanan sejarahnya bukan sahaja panjang dan berliku tetapi penuh dengan onak dan duri. Buku "DAULAT UMNO" yang diterbitkan sempena 57 tahun kelahirannya dan 46 tahun negara mencapai kemerdekaan menghurai dengan jelas sekalipun ringkas, sejarah parti politik Melayu terbesar ini. Ia bermula daripada idea yang dicetuskan oleh Pendeta Za'ba hingga kewujudannya sebagai model parti politik yang dikagumi oleh dunia hari ini.

Sepanjang perjalanan UMNO selama lebih setengah abad, telah melalui pahit getir dalam perjuangannya untuk orang Melayu khasnya dan seluruh rakyat negara ini amnya. Sebagai parti yang mantap dan matang, UMNO telah meloloskan diri daripada segala pahit getir dan berjaya menghadapi segala halangan dan rintangan. Bermula daripada Dato' Onn Jaafar (Allahyarham), kepimpinan Umno telah bertukar kepada Tunku Abdul Rama-

Putra Al-Haj (Allahyarham), Tun Abdul Razak Hussein (Allahyarham), Tun Hussein Onn (Allahyarham) dan sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Pemimpin silih berganti, idea dan pendekatan berbeza tetapi asas perjuangan parti tidak berubah. Semua itu adalah untuk meningkatkan martabat Melayu.

UMNO adalah parti yang telah teruji dan sentiasa diuji. Dari peringkat awal penubuhannya sehingga sekarang banyak masalah dan krisis berbangkit. Tidak kurang juga dengan pelbagai isu hangat yang menggemparkan parti dan negara, tetapi yang pasti parti utama Melayu ini berjaya mengatasi masalah-masalah tersebut dan dapat diselesaikan dengan semangat setiakawan dan musyawarah.

Penulis buku ini, Zahalan bin Man adalah seorang pengamat politik yang meneliti setiap perkembangan politik di negara ini, khasnya perkara-perkara dan peristiwa yang berkaitan dengan UMNO. Beberapa peristiwa besar seperti perebutan kerusi pucuk pimpinan yang akhirnya membawa UMNO ke mahkamah dan kemudian diharamkan, telah dihurai begitu jelas dengan fakta yang ditemui menerusi penyelidikan. Zahalan bin Man atau lebih dikenali dengan panggilan “Che Gu” mengemukakan pendekatan yang berbeza berbanding dengan penulis-penulis lain terutamanya dari sudut sejarah UMNO.

Menerbit buku ini merupakan satu sumbangan murni penulis terhadap UMNO dengan membiayai pelbagai kos secara ikhlas demi ingin melihat UMNO terus tegak dan berdiri gagah sebagai pahlawan negara yang tetap melindungi bangsa, negara dan agama.

Semoga buku “DAULAT UMNO” ini akan menambah lagi bilangan koleksi buku politik tanahair untuk dijadikan renungan dan rujukan sama ada generasi masa kini atau pun yang akan datang.

Ucapan terima kasih kepada Juz' Art kerana memberi kerjasama yang erat sehingga buku ini dapat disempurnakan penerbitannya.

PENGHARGAAN

SAYA bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan kehendaknya berjaya juga akhirnya menyiapkan sebuah buku mengenai UMNO, sebuah parti yang telah saya ikuti perkembangannya dengan amat teliti sejak sekian lama. Cita-cita saya untuk menulis buku seperti ini sebenarnya wujud sejak 16 tahun dahulu.

Bagaimanapun, cita-cita itu hanya terpendam begitu sahaja kerana tidak ada mana-mana pihak yang memberi galakan, dorongan dan membantu sehinggalah saya bertemu dengan Syed Hashim Syed Ahmad (S. Hashim Ahmad), bekas wartawan dan juga pelukis. Kami telah mengadakan beberapa kali perbincangan dan akhirnya beliau mencadangkan supaya saya menulis buku ini dan sedia membantu bagi menyiapkan penerbitannya. Dengan kerjasama dan pertolongan beliau secara berterusan akhirnya buku ini dapat disiapkan.

Berbagai peristiwa besar yang berlaku dalam parti kesayangan orang Melayu ini perkembangan dan pergolakannya amat patut dibukukan sebagai rekod sejarah untuk renungan pengkaji sejarah, tatapan generasi masa depan, yang belum dilahirkan lagi hari ini, mengenai UMNO dan kekuatannya. Toleransi pemimpin, peralihan era kepimpinan yang berjalan secara tertib dan teratur, kesabaran dan ketaatan ahlinya terhadap pucuk pimpinan melambangkan simbol budaya Melayu.

Buku ini boleh menajamkan minda generasi akan datang kerana mereka akan menjadi pemimpin zamannya, penggerak ekonomi dan pembangunan negara berteraskan kekuatan pentadbiran dan siasah umat bangsanya iaitu Melayu.

Banyak buku mengenai UMNO, di dalam pasaran tetapi, saya percaya inilah buku pertama yang mencatatkan perkembangan dalam UMNO seterperinci mungkin sejak zaman tertubuhnya UMNO pada tahun 1946. Daripada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan seterusnya kepada setiap era presiden dan Perdana Men

hingga tahun 2003. Fokus tulisan saya hanya memusatkan kepada fakta sejarah kepimpinan, perkembangan, krisis, kegemilangan dan kehebatan UMNO - tanpa komentar dan analisa - tetapi berteraskan kepada hakikat UMNO BERERTI KEKUATAN. Ini adalah kerana walau apa juga masalah yang melanda, masalah itu sendiri akhirnya bertukar menjadi kekuatan kepada parti.

Satu perkara yang menarik perhatian saya dalam kajian mengenai UMNO ialah parti ini telah melalui beberapa zaman di bawah beberapa pemimpin dan telah menghadapi sekian banyak masalah. Tetapi, kebijaksanaan pemimpin telah berjaya mengatasinya, bukan dengan cara kekerasan sebaliknya menerusi sikap toleransi dengan semua pihak.

Saya yakin jika sikap toleransi ini diteruskan, UMNO akan terus mantap dan akan lebih berjaya dalam perjuangannya pada masa akan datang. Pucuk pimpinan tetap akan terus silih berganti, tetapi semangat setiakawan di kalangan pemimpin dan ahli itu perlu terus dikekalkan.

Penulisan saya dalam buku ini adalah pandangan peribadi yang saya luahkan secara bebas tanpa pengaruh atau rasa prejudis kepada mana-mana pihak atau individu. Mudah-mudahan usaha ini dapat memberi sedikit sumbangan ke arah memantap dan memperkasakan lagi parti terbesar orang Melayu ini - UMNO.

Dan buku ini juga tidak akan selengkap yang ada tanpa kerjasama, penyelidikan, fakta dan minda saudara Abdullah Hassan, Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu dan Pengarang Mingguan Malaysia. Terima kasih juga kepada bahagian rekod Ibu Pejabat UMNO Malaysia, bahagian foto Jabatan Penerangan dan mereka yang telah memberi kerjasama sehingga dapat melengkap dan menyiapkan buku "DAULAT UMNO" ini.

ZAHALAN MAN
Kuala Lumpur. 2003

“**D**ENGAN nama Allah dan kerana Allah buku “DAULAT UMNO” ini ditujukan kepada pemimpin UMNO di semua peringkat yang sedang menerajui parti dan yang akan mengambil alih nanti. Juga kepada semua ahli parti, orang Melayu khususnya dan rakyat Malaysia amnya.”

KANDUNGAN

Daulat UMNO	1
Sejarah Ringkas	15
Pendeta Za'ba	23
Era Dato' Onn	29
Era Tuanku Abdul Rahman	39
Era Tun Abdul Razak	49
Era Tun Hussein Onn	61
Kepimpinan Yang Mendapat Restu	73
Era Datuk Seri Dr. Mahathir Mengharum Nama Negara	89
Pembela Nasib Umat Islam Dunia	101
Peristiwa Dan Isu Menggemparkan UMNO	121
Senarai Pemimpin UMNO Yang Terpilih Dan Dilantik Sejak Ditubuhkan	152
Surat Tauliah Dan Pengasas-Pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu	158
Jawatankuasa Agung UMNO 1951 - 2002	166 - 211



DAULAT UMNO

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

SEGALA puji bagi Allah S.W.T. Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W., para nabi dan rasul sekaliannya dan ahli keluarga Baginda serta para sahabat yang agung.

Kepada pencipta dan pelopor Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu-UMNO, ahli-ahli yang tidak pernah mengenal penat dan lelah tanpa mengharap apa-apa ganjaran dalam perjuangan menghidup dan mendaulatkan UMNO yang buat masa kini tidak lagi bersama kita. Marilah kita sedekahkan sekalung Al-Fatihah dengan harapan agar Allah S.W.T. melimpahkan rahmat dan hidayahNya kepada mereka dan mudah-mudahan Allah menempatkan roh mereka bersama roh orang-orang yang redha dan diredhai Allah. Amin Ya Rabbal Alamin.

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya dapatlah saya menghuraikan dengan terperinci yang boleh, asal-usul lambang UMNO yang terkandung pengertian suci tersirat di dalamnya.



ZAHANLAN BIN MAN

Beliau lahir pada tanggal 14 haribulan Januari 1947 di Arau, Perlis Indera Kayangan.

Lebih dikenali sebagai Cikgu Mazlan guru Seni Silat Kalam pernah menerbit akhbar tabloid mingguan "Warisan National" dalam tahun 1992.

Dalam usianya di awal 20' an beliau telah menjadi seorang guru Seni Silat Kalam yang diperturunkan kepadanya oleh Pak Guru Haji Yahya Said.

Seni Silat Kalam yang asalnya datang dari Sheikh Tajrid, Sultan Muzaffar Shah, Sultan Ahmad Tajuddin, Panglima Tok Ismail, Panglima Wan Ali, Panglima Tok Hadi, Panglima Tok Rashid dan Pak Guru Haji Yahya Said.

Dalam ilmu Seni Silat Kalam, Cikgu Mazlan mempunyai ramai murid termasuk pegawai-pegawai tinggi kerajaan, tokoh-tokoh korporat dan pegawai-pegawai tinggi Angkatan Tentera Malaysia.

ISBN 983-2847-00-1



9 789832 847007

PENERBITAN:
KIP TECH SDN BHD (45691 3K)